

Seramai 1,571 pegawai dan anggota polis dikenakan tindakan tatatertib sepanjang tahun lalu, kata Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (Jips) Bukit Aman, Datuk Azri Ahmad.

Beliau berkata, antara kesalahan integriti yang dilakukan adalah tidak mengisytiharkan harta, mengunjungi pusat hiburan, berkahwin tanpa kebenaran, enggan menerima laporan dan meminta imbuhan.

Azri berkata, mereka yang terbabit dengan kesalahan integriti disiasat mengikut Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Selain itu, terdapat juga 23 pegawai dan anggota polis direkodkan terbabit kesalahan jenayah, rasuah (18), dadah (84) dan syariah (48).

"Oleh itu, bagi memperkasakan integriti warga Polis Diraja Malaysia (PDRM), kami akan memberi fokus kepada enam elemen pada tahun ini iaitu memperkasakan tadbir urus/kepolisian, pengurusan aduan, risikan/operasi, siasatan, pematuhan dan agama serta kaunseling," katanya kepada Bernama.

Menurutnya elemen tadbir urus/kepolisian akan membabitkan sudut perlakuan menerusi kursus, latihan dalam perkhidmatan dan program ilmiah berte-rusan kepada warga PDRM manakala elemen pengurusan aduan pula adalah mempromosi kewujudan e-SPA (Sistem Pengurusan Aduan) kepada orang awam serta warga PDRM.

Selain itu, elemen risikan/operasi pula memper-tingkatkan integriti dalam

Kahwin tanpa kebenaran

Antara kesalahan integriti dilakukan 1,571 pegawai dan anggota polis sepanjang 2021

kalangan warga PDRM dengan menangani penglibatan warga PDRM terhadap penyalahgunaan dadah dan ketum selain serbuan mengejut terhadap petugas barisan hadapan di lapangan bagi mencegah isu pemerasan di sekatan jalan raya dan lain-lain.

Azri berkata, bagi elemen siasatan, Jips mem-peringkatkan kualiti dalam siasatan pegawai dan anggota polis dengan men-jalankan siasatan secara menyeluruh serta terperinci supaya mereka yang terli-bat dengan salah laku akan diadili se-wajarnya berda-sarkan

fakta serta pembuktian. "Bagi elemen pematuhan, kami mengambil pendeka-tan pengembali dengan mempertingkatkan pemeriksa-an pematuhan untuk menutup ruang dan peluang berlakunya salah laku serta penyelewengan dalam kalangan pegawai dan anggota polis," katanya.

Beliau berkata, mene-rusi elemen agama dan kaunseling, in-tegriti warga kerja PDRM akan diper-kasa secara ink-lusif dengan me-nekankan aspek pembangunan, pencegahan serta pemulihan mela-lui pende-

katan agama dan psikologi dan kaunseling.

Sementara itu, mengulas mengenai tindakan netizen membuat aduan tidak menggunakan saluran yang betul dan menularkan sesuatu isu menerusi media sosial sebelum siasatan di-jalankan, Azri berkata, fe-nomena itu menjadikan netizen sebagai hakim tanpa kesahihan fakta sebenar.

"Saya berpandangan bagi isu sensitif lebih-lebih lagi membabitkan maruah, ia perlu dilakukan mengikut saluran betul dengan mem-buat laporan kepada pihak berkaitan," katanya.

Beliau berkata, tindakan secara profesional perlu di-lakukan supaya mangsa ter-babit tidak terdedah kepada kecaman dan komen-komen negatif yang boleh mempengaruhi emosi se-lain mengelak masyarakat terus membuat andaian yang tidak benar terhadap pihak berkenaan.

"Saya melihat masyarakat kini hanya berani menyua-rakan ketidakpuasan hati berhubung sesuatu isu de-ngan menularkan isu ber-kenaan menerusi media so-sial seperti aplikasi What-sApp dan Facebook tetapi enggan bertindak dengan betul (membuat laporan)," katanya.

Azri berkata, mereka se-harusnya membuat aduan kepada pihak berkuasa supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.



23

Jumlah pegawai dan anggota terbabit kesalahan jenayah, rasuah (18), dadah (84) dan syariah (48)